



كوفراسي فكاوي كرايمنا نكري مندرج وارا لوفساو برسر
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

Tarikh: 01 Jun 2022
01 Zulkaedah 1443 Hijrah

Kepada:

Semua anggota Koperasi

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 67

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 67 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:-

Tarikh : 24 Jun 2022 (Jumaat) bersamaan 24 Zulkaedah 1443Hijrah
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Besar, Institut Pendidikan Guru, Kampus Darulaman,
Bandar Darulaman,06000 Jitra, Kedah.

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 pagi.

3. Agenda Mesyuarat;

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke 67.
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 yang telah diadakan pada 20 November 2021.
4. Memilih 3 orang anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 36(1) Undang-undang Kecil Koperasi:-

1. Haji Munir bin Badrul Jamil
2. Haji Anuar bin Ibrahim
3. Haji Majib bin Jussoh

5. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2021.
6. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 beserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya.
7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
8. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2023:

- i. Bahagian Kredit
- ii. Bahagian Stesen Servis Petronas Alor Setar
- iii. Bahagian Koservis
- iv. Bahagian Stesen Servis Caltex Changloon
- v. Bahagian Ar Rahnu Alor Setar
- vi. Bahagian Ar Rahnu Guar Chempedak
- vii. Bahagian Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
- viii. Bahagian Perniagaan Gas Petron
- ix. Bahagian Stesen Minyak Petron Beseri, Perlis
- x. Bahagian Stesen Minyak Buraqoil, Kuala Nerang
- xi. Bahagian Stesen Minyak Petron Changloon
- xii. Bahagian Ar Rahnu Arau
- xiii. Belanjawan Modal/Aset

9. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2022 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.
 10. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pembiayaan wang tidak lebih daripada RM30juta dengan kadar keuntungan tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pembiayaan tersebut tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Koperasi 1993.
 11. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Koperasi 1993.
 12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.
 13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.
4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada **Tuan Setiausaha Koperasi** tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.
 5. Semua anggota boleh melayari laman sesawang www.kopkedah.com.my untuk mendapatkan maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke 67.

Dengan Perintah Lembaga,



.....
(HAJI MAJIB BIN JUSSOH)
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Kedah,
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.